

**Utusan Malaysia Jun 2017**

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	01 Jun 2017	RM800,000 naik taraf Dataran Labis	Ketua Whip Majlis Daerah Labis (MDL), Mansur Birat	3
2.	06 Jun 2017	Enam termasuk Datuk ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3.	08 Jun 2017	Idris tiba di FGV, SPRM masih teliti dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	12 Jun 2017	Rasuah: SPRM tahan jurutera JKR	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	13 Jun 2017	Bekas jurutera JKR Kulai mengakui tidak bersalah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
6.	13 Jun 2017	Pengurusan data penting kepada pembangunan ekonomi	Pengarah Negara Asia Tenggara Kumpulan Bank Dunia, Dr. Ulrich Zachau	9
7.	13 Jun 2017	Nuri: Kementerian Pertahanan beri penjelasan	Kementerian Pertahanan	11
8.	17 Jun 2017	Tiada bukti penyalahgunaan wang 1MDB - Apandi	Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali	13
9.	19 Jun 2017	GST ke atas barang baru perlu kelulusan Kabinet - Johari	Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani	15
10.	20 Jun 2017	DoJ perlu buktikan dakwaan	TIMBALAN Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican	17
11.	20 Jun 2017	Pengarah Kemas dituduh pula di Shah Alam Selepas menghadapi tuduhan menerima rasuah di Alor Setar, semalam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
12.	20 Jun 2017	Premis sembelih ayam guna logo halal palsu diserbu	Penolong Pengarah Unit Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Yusri Abdul Rani	20
13.	20 Jun 2017	FGV: Perubahan kepemimpinan tidak beri kesan siasatan SPRM sudah panggil lebih 60 saksi	Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad	22
14.	21 Jun 2017	Siasatan dalaman FGV diteruskan - Sulaiman	Pemangku Pengurus FGV, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob	24
15.	21 Jun 2017	Penolong Jurutera JKR dituduh rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
16.	23 Jun 2017	SPRM diminta siasat kekayaan keluarga Dr. Mahathir		28

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
17.	25 Jun 2017	Kerjasama strategik SPRM-EAIC	Naib Pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam	29
18.	30 Jun 2017	Seorang pegawai kerajaan dan dua kontraktor dihadapkan ke Mahkamah Khas Rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31

### 1. RM800,000 naik taraf Dataran Labis



MANSUR BIRAT (tengah) bersama beberapa Ahli Majlis Daerah Labis meninjau keadaan padang di Dataran Labis yang berlopak dan air bertakung, semalam.

LABIS 31 Mei - Sejumlah RM800,000 diperuntukkan untuk menaik taraf Dataran Labis yang dijangka akan bermula pada pertengahan Julai depan.

Ketua Whip Majlis Daerah Labis (MDL), Mansur Birat berkata, daripada jumlah tersebut, RM300,000 adalah peruntukan MDL sementara RM500,000 lagi dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

"Ketika ini pihak MDL sedang dalam peringkat menentukan skop kerja dan selepas itu, proses pemilihan kontraktor dilakukan sebelum kerja-kerja menaik taraf dijalankan.

"Mengikut perancangan, kerja-kerja menaik taraf akan bermula pertengahan Julai nanti dan dijangka siap sepenuhnya Disember ini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Jelasnya, kerja-kerja menaik taraf yang akan dijalankan termasuk melebarkan trek pejalan kaki di sekeliling dataran kepada 20 kaki lebar berbanding hanya enam kaki lebar ketika ini.

Menurutnya, kawasan padang juga akan dinaikkan setinggi enam inci dengan pembinaan baharu sistem saliran di bawah tanah seperti yang terdapat di padang-padang bola sepak stadium.

Tambah Mansur lagi, bagi memberi keselesaan kepada pengunjung, MDL juga akan menukar jubin lantai di kawasan dataran itu memandangkan jubin sedia ada sudah rosak dan tertanggal.

"Sepanjang tempoh kerja-kerja menaik taraf dan memperindahkannya, kawasan tersebut akan ditutup kepada orang ramai dan semua acara kira-kira lima bulan.

"Diharapkan orang ramai terutama pembayar cukai akan lebih selesa berkunjung dan beriadah di kawasan tersebut yang menjadi lokasi pelbagai acara termasuk acara rasmi," katanya.

06 Jun 2017

## 2. Enam termasuk Datuk ditahan SPRM

KUALA LUMPUR 6 Jun - Enam individu termasuk empat dipercayai bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini kerana disyaki terlibat dalam rasuah dan salah guna kuasa melibatkan pinjaman ahli koperasi di sebuah syarikat milik kerajaan (GLC).

Kesemua mereka yang berusia antara 42 dan 66 tahun itu ditahan di beberapa lokasi di Selangor dan Kuala Lumpur kira-kira pukul 8 pagi sehingga 10 pagi ini.

Menurut sumber, kesemua suspek terbabit dikatakan telah menggunakan kedudukan sebagai ahli lembaga pengarah koperasi di GLC tersebut dengan memaksa ahli-ahlinya menyertai pelaburan atau perniagaan berbentuk Multilevel Marketing (MLM).

Advertisement

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan itu.-

**3. Idris tiba di FGV, SPRM masih teliti dokumen**

KUALA LUMPUR 8 Jun - Bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Datuk Seri Idris Jala tiba di Menara Felda, di sini bagi memulakan tugas bagi membantu menyelesaikan kemelut melanda Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) ketika ini.

Idris yang tiba kira-kira pukul 2.33 petang tadi kemudiannya menaiki lif khas ke pejabat itu untuk bertemu pegawai tertinggi dalam FGV.

Terdahulu, lebih 25 orang anggota dan pegawai dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memasuki pejabat tersebut secara berperingkat antara pukul 10 hingga 11.45 pagi ini

Difahamkan kehadiran mereka untuk memeriksa dokumen berkaitan yang diambil dari aras 45 menempatkan Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan aras 49 yang merupakan Pejabat Pengerusi Felda.

12 Jun 2017

**4. Rasuah: SPRM tahan jurutera JKR**

JURUTERA JKR Kulai ditahan anggota SPRM Johor ketika hadir memberi keterangan di Ibu pejabat SPRM negeri di Johor Bahru, Johor, sebentar tadi kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan kedudukannya untuk kepentingan diri sendiri.

JOHOR BAHRU 12 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri petang ini menahan seorang Jurutera Daerah di Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kulai kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan kedudukannya untuk kepentingan diri sendiri.

Suspek yang berusia 38 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM negeri di sini ketika hadir memberi keterangan berhubung siasatan melibatkan dirinya pada pukul 1 petang.

13 Jun 2017

**5. Bekas jurutera JKR Kulai mengakui tidak bersalah**

Bekas jurutera JKR Kulai, Azizan Mohamed Yasin, 38, dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan salah guna kuasa dengan melantik syarikat kontraktor milik abang kandungnya bagi melaksanakan kerja memotong rumput sekitar daerah Kulai, Ogos tahun lalu

JOHOR BAHRU 13 Jun - Bekas jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Kulai yang ditahan di sini semalam didakwa di Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan salah guna kuasa dan kedudukan pada tahun 2015.

Azizan Mohamed Yasin, 38, yang kini berkhidmat di Ibu Pejabat JKR, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Mohd. Fauzi Mohd. Nasir.

Berdasarkan pertuduhan, Azizan didakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan apabila melantik syarikat G Two Amiruddin Trading untuk melaksanakan kerja memotong rumput dan pembersihan pada Ogos 2015 di Pejabat JKR Kulai.

Tertuduh didakwa melantik syarikat itu bagi melakukan kerja memotong rumput dan pembersihan di beberapa jalan dalam daerah Kulai dengan harga kerja berjumlah RM19,750 yang berhubungan dengan abangnya, Azizi Mohamed Yassin yang mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Dia didakwa mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi, jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Khazrin Haffiz Khalil, manakala tertuduh diwakili peguam bela Iskandar Shah Ibrahim.

## 6. Pengurusan data penting kepada pembangunan ekonomi



**MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin dalam sidang akhbar pengumuman Skim Kawalan Harga bersempena Aidilfitri 2017 di Putrajaya**

KUALA LUMPUR 13 Jun - Pengurusan data yang baik dan boleh dipercayai menjadi nadi penting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Pengarah Negara Asia Tenggara Kumpulan Bank Dunia, Dr. Ulrich Zachau berkata, laporan Malaysia Economic Monitor (MEM) edisi ke-16 kali ini memberi tumpuan kepada kepentingan pengurusan data yang baik dan efektif.

Katanya, data yang baik juga boleh meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan merubah cara penggubalan polisi ke arah lebih berkesan.

"Data yang bagus mampu melonjakkan produktiviti dalam sektor swasta manakala ekosistem data yang terbuka dan berintegrasi dalam sektor awam mampu memberi perkhidmatan berkualiti, cepat dan mudah kepada rakyat.


"Malaysia berpeluang untuk membina infrastruktur statistik sedia ada kepada akses data yang lebih terbuka dan meluas serta merangka sistem pengurusan data bagi meletakkan Malaysia setaraf dengan negara berpendapatan tinggi lain," katanya dalam majlis pelancaran MEM Jun 2017: Data untuk Pembangunan edisi ke-16 di sini hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan kemudiannya merasmikan laporan MEM tersebut.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid; Pakar Ekonomi Kanan Malaysia Kumpulan Bank Dunia, Dr. Rafael Munoz Moreno dan Pengurus Negara Malaysia Kumpulan Bank Dunia, Faris Hadad-Zervos. -

Selasa, 13 Jun 2017

## 7. Nuri: Kementerian Pertahanan beri penjelasan



KUALA LUMPUR: Persoalan bagaimana rangka sebuah helikopter Nuri M23-15 boleh berada di sebuah bengkel barang lusuh di Sungai Petani, Kedah seperti yang viral di media sosial, kelmarin terjawab apabila Kementerian Pertahanan tampil memberi penjelasan hari ini.

Menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Kementerian Pertahanan menjelaskan helikopter itu adalah milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbabit dalam kemalangan di Pulau Perak pada Disember 2013.

Bagaimanapun, katanya kerajaan memutuskan untuk melupuskan aset itu selepas Pemeriksaan Pelupusan aset alih yang dilaksanakan pada 14 November tahun lalu mendapat keadaan fizikal helikopter itu mengalami kerosakan teruk dan tidak dapat digunakan lagi.

"Memandangkan fizikal helikopter Nuri mengalami kerosakan teruk dan pihak kerajaan terpaksa menanggung kos membaiki rangka pesawat yang amat tinggi, maka kerajaan memutuskan untuk terpaksa melupuskannya dan tidak dibaiki sebagai bahan pameran di mana-mana muzium.

"Fizikal pesawat itu hanyalah rangka kosong dan pelupusan rangka itu adalah secara jualan sisa yang dipotong terlebih dulu manakala, komponen mekanikal dan juga sistem sudah pun dikeluarkan dan diserahkan kepada TUDM untuk dibaik pulih bagi kegunaan operasi," katanya.

Kenyataan itu berkata, atas faktor keselamatan rangka helikopter itu dikeluarkan dari Pangkalan Udara (PU) Butterworth pada 9 Jun lalu dan dihantar ke bengkel barang lusuh berkenaan untuk kerja-kerja pemotongan.

"Bagaimanapun, kerja pemotongan rangka helikopter itu hanya dapat dibuat semalam dan dijangka selesai selewat-lewatnya Jumaat ini," katanya.

Katanya, gambar pesawat Nuri di bengkel berkenaan yang dimuat naik dan disebarluaskan di media sosial sejak kelmarin, menimbulkan rasa kurang senang di kalangan pihak tertentu serta mencalarkan imej Kementerian Pertahanan amnya dan TUDM khususnya.

17 Jun 2017

**8. Tiada bukti penyalahgunaan wang 1MDB - Apandi**

Jabatan Kehakiman AS tidak maklumkan tindakan fail saman sivil

PUTRAJAYA 16 Jun - Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali ([gambar](#)) berkata, tidak ada bukti daripada mana-mana penyiasatan yang dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang bagi pelbagai bidang kuasa menunjukkan adanya penyalahgunaan wang daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).



**Mohamed Apandi Ali**

Beliau turut menyatakan kekecewaan kerana sekali lagi pihaknya tidak dimaklumkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) berhubung tindakan jabatan itu memfailkan saman sivil berkaitan 1MDB.

**Berikut adalah kenyataan penuh Mohamed Apandi Ali**

Jabatan Peguam Negara Malaysia (AGC) mengambil perhatian berhubung tindakan undang-undang sivil terbaru oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ).

Tindakan kedua ini berlaku pada ulang tahun tindakan pertama, dan nampaknya ia merupakan tindakan ulangan.

Kami ingin menyatakan rasa kecewa kerana sekali lagi AGC tidak dimaklumkan atau diberitahu oleh DoJ berhubung tindakan ini.

Kami juga mendapati bahawa tidak ada bukti daripada mana-mana penyiasatan yang dijalankan oleh mana-mana agensi penguatkuasaan undangundang bagi pelbagai bidang kuasa yang menunjukkan wang disalahgunakan daripada 1MDB; dan bahawa tidak ada sebarang tuduhan jenayah dibuat terhadap mana-mana individu bagi penyelewengan dana daripada 1MDB.

1MDB adalah sebuah syarikat Malaysia dan pernah menjadi subjek beberapa siasatan dalaman Malaysia termasuk oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Selepas semakan, kami mendapati bahawa tiada jenayah dilakukan.

Pada masa ini, masih ada penyiasatan yang sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia mengenai 1MDB.

Kami ingin menyatakan rasa bimbang mengenai sindiran tentang salah laku jenayah yang dibuat terhadap Perdana Menteri.

Tindakan sivil itu langsung tidak menamakan Perdana Menteri sebagai defendant atau didakwa melakukan sebarang salah laku jenayah.

Sehingga kini, AGC tidak menerima sebarang permintaan daripada DoJ untuk mendapatkan sebarang maklumat atau bukti.

Bagaimanapun, kami mengalu-alukan sebarang permintaan sedemikian selaras dengan komitmen kami untuk menjalinkan kerjasama antarabangsa dan memerangi pengubahan wang haram.

Seperti yang telah saya janjikan sebelum ini, AGC tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan perbuatan jenayah, dengan syarat adanya bukti yang mencukupi untuk berbuat demikian.

Sebarang perbuatan salah laku akan dihukum dan Malaysia akan sentiasa mendukung kedaulatan undang-undang.

**9. GST ke atas barangan baharu perlu kelulusan Kabinet - Johari**

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani semasa merasmikan Surau Muhammad Al-Fateh semasa majlis Iftar Perdana Kelab Perbendaharaan Putrajaya dan turut bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar (kiri) di Kementerian Kewangan.

PUTRAJAYA: Sebarang pengenaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) terhadap mana-mana barangan baharu perlu melalui kelulusan Kabinet berkuat kuasa serta-merta, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, hari ini.

Beliau mengulas berhubung pengumuman pembatalan GST ke atas tambahan 60 lagi item makanan berkuat kuasa 1 Julai 2017 yang dibuat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hari ini.

"Item itu memang tidak sepatutnya dikenakan GST buat masa ini. Saya sudah beritahu kepada pihak kastam setiap barang yang hendak dikenakan GST perlu dibawa ke peringkat Kementerian Kewangan dan kita akan bawa ke Kabinet.

"Ia tidak boleh dikenakan (GST) tanpa kelulusan Kabinet," katanya kepada pemberita pada majlis Iftar Perdana Kementerian Kewangan di sini, malam ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Johari berkata, cadangan pengenaan GST terhadap 60 item makanan itu dibuat di peringkat JKDM tanpa sebarang rujukan dengan kementerian untuk dimuktamadkan.

Beliau turut menyangkal dakwaan bahawa pembatalan GST ke atas barangan makanan itu adalah bersifat politik, memandangkan langkah itu diambil selepas mengambil kira kos hidup rakyat.

"Jangan buat spekulasi," katanya.

Media tempatan melaporkan lebih 60 makanan tertentu yang berkadar sifar akan dikenakan GST enam peratus bermula 1 Julai tahun ini selepas merujuk kepada Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No. 2) 2017 yang diwartakan pada 6 Jun 2017 melalui P.U. (A) 162, dan akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2017.

Implikasi kepada pewartaan Perintah itu akan menyebabkan lebih daripada 60 item makanan seperti ikan belut, ikan todak, jagung, sayuran sejuk beku, buah-buahan import (avocado, apricot, anggur, ceri, peach, plum) figs, marjerin dan lain-lain akan tertakluk kepada GST enam peratus.

**10. DoJ perlu buktikan dakwaan**

TIMBALAN Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (kanan) menyampaikan sumbangan kepada golongan sasar pada Program Ziarah Kasih Ramadan 2017 anjuran Yayasan Tabung Haji di Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang dekat sini hari ini.

KEPALA BATAS 20 Jun - Spekulasi dan tohmahan yang dibuat Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat terhadap 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) bukanlah sesuatu yang muktamad atau tepat namun perlu melalui proses undang-undang.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, jika seseorang membuat tuduhan ia perlu dibuktikan dengan pendakwaan di mahkamah dan pihak yang didakwa memiliki peluang untuk mempertahankan diri sebelum keputusan dibuat oleh hakim.

"Kalau tuduhan yang dibuat oleh DoJ ini benar maka silalah ambil tindakan dan dakwa di mahkamah biar mahkamah tentukan siapa yang benar-benar bersalah.

"Kita tak boleh terima apa yang dianggap spekulasi tanpa bukti kukuh kerana ia hanya akan memberi nama buruk kepada yang dituduh serta dalam isu 1MDB, sudah tentu nama Malaysia sendiri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas ditemui pemberita selepas menyampaikan sumbangan pada Program Ziarah Kasih Ramadan anjuran Yayasan Tabung Haji kepada 1,000 penerima dari parlimen itu.

20 Jun 2017

**11. Pengarah Kemas dituduh pula di Shah Alam****Selepas menghadapi tuduhan menerima rasuah di Alor Setar, semalam**

Mohd. Adnan Md. Daud (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor semalam bagi menghadapi tuduhan menggunakan wang hasil aktiviti pengubahan wang haram dalam transaksi pembelian rumah.

SHAH ALAM 19 Jun - Selepas menghadapi pertuduhan menerima rasuah di Alor Setar, Kedah semalam, Mohd. Adnan Md. Daud, 54, dihadapkan pula ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menggunakan wang hasil daripada aktiviti haram dalam transaksi pembelian rumah dua tingkat di sini, tiga tahun lalu.

Pengarah Pembangunan Komuniti, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Putrajaya itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan tersebut dibacakan kepadanya oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd. Zain.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd. Adnan yang juga bekas Pengarah Kemas Selangor itu didakwa telah menggunakan cek Malayan Banking Berhad (Maybank) bernilai RM100,000 bagi tujuan pembayaran deposit rumah dua tingkat yang beralamat di No. 18, Jalan Setia Wawasan U13/31B, Presint 10, Seksyen U13 di sini.

Daripada jumlah keseluruhan nilai cek itu, sebanyak RM86,053.22 didakwa datang daripada hasil aktiviti haram.

Mohd. Adnan didakwa melakukan perbuatan itu di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 2 dan 3, Kompleks PKNS Shah Alam pada 8 Januari 2015.

Dia didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang membawa hukuman penjara

maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohammed Heikal Ismail yang mengendalikan pendakwaan kes itu menawarkan jaminan RM100,000 terhadap tertuduh selain memohon kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, Kedah.

Permohonan pemindahan kes itu dibuat memandangkan Mohd. Adnan turut dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam atas kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Bagaimanapun, peguam Lissa Sukri yang mewakili tertuduh memohon jaminan ke atas Mohd. Adnan dikecualikan atau dikurangkan pada kadar yang lebih rendah.

Hal ini, katanya, tertuduh telah membayar jaminan yang tinggi iaitu RM80,000 selepas dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam selain mempunyai enam anak dengan lima daripadanya masih belajar manakala seorang lagi berusia dua bulan.

Ahmad Zamzani kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM90,000 dengan seorang penjamin selain membenarkan permohonan pihak pendakwa untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Sesyen Alor Setar serta menetapkan 31 Julai ini untuk sebutan semula kes.

Mohd. Adnan semalam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar atas dua tuduhan menerima rasuah kontrak pembekalan tabika dan taska bernilai hampir RM160,000, dua tahun lalu.

## 12. Premis sembelih ayam guna logo halal palsu diserbu

SITIAWAN 20 Jun - Jijik dan kotor, itu perkataan yang sesuai untuk menggambarkan keadaan sebuah premis penyembelihan ayam di sebuah ladang kelapa sawit di Batu 11, Segari di sini.

Malah, proses penyembelihan ayam di premis berkenaan turut meragukan apabila pemeriksaan mendapati kerja-kerja menyembelih dijalankan tiga lelaki warga asing dari Nepal dan Bangladesh.

Penolong Pengarah Unit Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Yusri Abdul Rani berkata premis itu turut menggunakan pek yang mempunyai logo halal palsu tanpa memiliki sijil halal yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Pemeriksaan mendapati kesemua pekerja yang terlibat dengan penyembelihan ayam di situ tidak mempunyai sijil tauliah dan beroperasi tanpa pengawasan JAIPk.

"Premis itu turut mengaburi pembeli dengan mempamerkan sijil tauliah sembelihan milik warga tempatan sedangkan penyembelihan ayam dilakukan oleh warga asing dan ini adalah sangat meragukan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Yusri berkata, serbuan kira-kira pukul 3.30 pagi tadi melibatkan 15 anggota dari JAIPk dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) selepas mendapat maklumat serta aduan daripada orang awam.

Beliau berkata, kebersihan premis itu di tahap sangat kotor apabila lantai dan dinding didapati dalam keadaan berlumut sehingga menimbulkan bau yang busuk di kawasan sekitar.

"Maklumat daripada seorang pekerja Bangladesh, dia bekerja di premis itu sejak dua bulan lepas dan sebelum ini memang kerja penyembelihan dilakukan oleh pekerja Melayu," katanya.

Yusri berkata, kesemua ayam yang telah dibungkus dipercayai akan dihantar kepada peniaga dan penjual makanan di sekitar daerah Manjung dan kebanyakannya adalah peniaga Melayu yang menjual makanan seperti sate.

Yusri berkata, pihaknya hanya boleh memberi peringatan kepada pemilik dan pengurus premis itu memandangkan mereka bukan pemegang sijil halal dan menyerahkan kepada KPDKKK atau agensi berkaitan untuk mengambil tindakan sewajarnya. --

"Kita menasihatkan pengguna terutama peniaga untuk berhati-hati apabila membeli ayam di pasaran dan pastikan pembekal ayam itu memegang sijil halal supaya sembelihan adalah mengikut hukum syarak dan terjamin kebersihannya," katanya. Sementara itu, Ketua KPDKKK Cawangan Manjung,

Omar Ismail berkata premis itu didapati melanggar Akta Perihal Dagangan 2011 kerana menggunakan logo halal palsu yang tidak diiktiraf Jakim.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas 15 ekor ayam yang telah dibungkus di dalam pek yang menunjukkan logo halal palsu untuk siasatan.

"Sehubungan itu, pemilik premis berkenaan akan diambil tindakan undang-undang memandangkan hanya logo halal yang diiktiraf Jakim sahaja dibenarkan digunakan di mana-mana premis perniagaan," katanya.-

20 Jun 2017

**13. FGV: Perubahan kepemimpinan tidak beri kesan siasatan****SPRM sudah panggil lebih 60 saksi**

KETUA Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad dalam sidang akhbar selepas Majlis Ikrar Bebas Rasuah peringkat Pahang di Kuantan hari ini. Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (kiri). - UTUSAN ONLINE/MAHATHIR ALI

KUANTAN 20 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memanggil lebih 60 saksi untuk dirakamkan percakapan mereka berhubung siasatan terhadap Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, lebih 60 saksi dipanggil dalam masa beberapa hari sahaja.

"Kita akan meneruskan siasatan berdasarkan bukti yang diperoleh namun penstrukturkan semula dilakukan kerajaan terhadap FGV tidak memberi sebarang kesan."

"Perancangan kerajaan itu tidak memberi kesan kepada siasatan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Ikrar Bebas Rasuah peringkat negeri di sini hari ini.

Kemelut FGV mencapai kemuncak apabila bekas Pengurusnya, Tan Sri Isa Samad dan Lembaga Pengarahnya mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad; Ketua Pegawai Kewangan FGV, Ahmad Tifli Mohd. Talha; Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar dan Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, Kamarzaman Abd. Karim untuk bercuti 6 Jun lalu.

Susulan kemelut itu, kerajaan melantik bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala sebagai orang tengah bagi mencari penyelesaian.

**14. Siasatan dalaman FGV diteruskan - Sulaiman**

KUALA LUMPUR 20 Jun - Siasatan dalaman Felda Global Ventures Holding Berhad (FGV) terhadap empat pegawai kanan tertinggi syarikat perladangan itu akan diteruskan walaupun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut melakukan tindakan yang sama.

**Sulaiman Mahbob**

Pemangku Pengurus FGV, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob berkata, pihak FGV masih menunggu jawapan balas daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulannya, Datuk Zakaria Arshad; Ketua Pegawai Kewangan FGV, Ahmad Tifli Mohd. Talha; Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar dan Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, Kamarzaman Abd. Karim.

"Tempoh seminggu telah diberikan kepada mereka untuk memberikan jawapan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan hari ini merupakan hari terakhir bagi mereka menyerahkan jawapan tersebut.

"Kesemua jawapan ini akan dinilai oleh pihak syarikat, jika ada sebarang keraguan perkara tersebut boleh dibawa kepada panel penyiasatan untuk tindakan lanjut dan jika didapati bersalah tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia hari ini.

Kemelut FGV mencapai kemuncak apabila bekas pengurusnya, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan Lembaga Pengarah mengarahkan Zakaria, Ahmad Tifli, Ahmad Salman dan Kamarzaman untuk bercuti 6 Jun lalu.

Susulan itu, kerajaan melantik bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala sebagai pihak bebas bagi mencari penyelesaian kepada krisis terbabit.

Semalam, Mohd. Isa mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Pengurus FGV dan jawatan tersebut kini dipangku oleh Sulaiman.

Menurut Sulaiman, siasatan dalaman FGV terhadap empat pegawai tertinggi syarikat tersebut juga tidak akan bercanggah dengan siasatan yang dijalankan oleh SPRM.

"SPRM menjalankan siasatan mereka dan FGV melakukan siasatan dalaman mengikut prosedur syarikat.

"Malah siasatan dalaman ini adalah bertujuan untuk memastikan tadbir urus korporat berada pada tahap tertinggi," ujarnya.

**15. Penolong Jurutera JKR dituduh rasuah**

**PENOLONG Jurutera JKR Tuaran (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Khas Rasuah, Kota Kinabalu atas tuduhan rasuah semalam.**

KOTA KINABALU 20 Jun - Penolong Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Tuaran mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini hari ini atas tuduhan salah guna kuasa dan kedudukan memperakukan cadangan syarikat milik anaknya untuk mendapatkan kontrak penyelenggaraan segera jalan bernilai RM49,200, tujuh tahun lalu.

Chong Min Hiong @ Raymond Chong, 59, pada waktu itu memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan kepadanya oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, Raymond didakwa telah secara rasuah menggunakan jawatannya untuk memperakukan cadangan pemilikan syarikat JR Enterprise untuk mendapatkan kerja penyelenggaraan segera Jalan Hamad Kitapol, Kilometer (KM) 1.40-KM6.80, Tuaran yang berjumlah RM49,200.

Bapa kepada empat anak itu didakwa telah memperakukan syarikat JR Enterprise yang merupakan milik anaknya, Patrecia Raymond di pejabat JKR Tuaran pada 29 Oktober 2010.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada SPRM, Rustam Sanip manakala tertuduh yang ditemani isteri serta ahli keluarganya diwakili peguam, Luke Ressa Balang dan Dominic Chew.

Rustum mencadangkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin serta syarat tertuduh perlu menyerahkan pasportnya kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM sebulan sekali sementara Dominic memohon jumlah jaminan dikurangkan kepada RM8,000 atas alasan tertuduh masih lagi bertugas dan menghidap penyakit darah tinggi.

Dominic turut menjelaskan anak guamnya tidak akan melarikan diri memandangkan tertuduh merupakan rakyat tempatan dan mempunyai keluarga di negeri ini.

Mahkamah kemudian membenarkan Raymond dibebaskan dengan jaminan RM10,000 berserta seorang penjamin iaitu isterinya selain menetapkan 26 Julai untuk pengurusan kes.

23 Jun 2017

## 16. SPRM diminta siasat kekayaan keluarga Dr. Mahathir



AJK Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) , Wan Mohammad Ashraf Nasjaruddin (tengah) bersama ahli ahli PPBM menunjukkan senarai syarikat milik Tun Mahathir dan anak anaknya semasa membuat laporan kepada SPRM berkaitan kakayaan milik Tun Mahathir di pejabat SPRM Selangor di Shah Alam, hari ini.

SHAH ALAM 23 Jun - Seorang anggota akar umbi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hari ini membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan berkaitan isu kekayaan keluarga pengurus parti itu Tun Dr Mahathir Mohamad.

Laporan itu dibuat oleh Anggota Jawatankuasa PPBM Bahagian Shah Alam Wan Mohamad Ashraf Nasjaruddin di pejabat SPRM Selangor di sini.

"Siasatan ini perlu bagi rakyat tahu sama ada Dr Mahathir ini seorang pemimpin bersih atau sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan itu dan menyerahkan dokumen berkaitan di pejabat SPRM Selangor.


Katanya beliau membuat laporan itu berikutan pelbagai soalan diajukan oleh anggota peringkat akar umbi mengenai isu kekayaan anak-anak Dr Mahathir, namun pihaknya tidak diberikan penjelasan secukupnya mengenai dakwaan itu sehingga hari ini.

Mohamad Ashraf yang mendakwa beliau bertanggungjawab membawa masuk ribuan anggota ketika PPBM ditubuhkan berkata, pihaknya pernah bertemu anak Dr Mahathir, Datuk Seri Mukhriz bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu kekayaan tersebut, namun mendakwa tidak diberikan ruang secukupnya untuk berbuat demikian.

Menurutnya kepercayaan beliau terhadap kepimpinan Dr Mahathir kini terhakis berikutan dakwaan itu.

**17. Kerjasama strategik SPRM-EAIC**


KUALA LUMPUR 24 Jun - Kerjasama yang dibentuk antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa jelas menunjukkan keseriusan kerajaan menghapuskan gejala tersebut di negara ini.

**LEE LAM THYE**

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, usaha berterusan SPM dengan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa dalam membanteras gejala itu harus dipuji kerana mampu mewujudkan budaya kerja yang berintegriti.

Malah, beliau percaya menerusi jawatankuasa yang diwujudkan itu, kedua-dua pihak berkenaan boleh berkongsi maklumat, kepakaran, teknologi dan kajian masing-masing dalam memastikan usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Semua pihak harus menyokong kerjasama strategik ini kerana ia dapat membantu SPM dalam merealisasikan matlamatnya untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam tempoh tiga tahun," katanya dalam satu kenyataan hari ini.



HAMZAH MASRI

integriti.

"Melalui kerjasama tersebut, ruang lolos untuk melakukan salah guna kuasa dalam kalangan penguat kuasa dapat dikurangkan sekali gus membolehkan amalan tersebut dibanteras dengan jayanya," katanya.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, SPRM dan EAIC memaklumkan kedua-dua pihak telah mewujudkan jawatankuasa bersama bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa dalam kalangan anggota dan pegawai agensi penguatkuasaan.

Jawatankuasa bersama itu diwujudkan khusus untuk memerangi gejala rasuah, salah guna kuasa serta salah laku dalam kalangan pegawai dan anggota agensi-agensi penguatkuasaan khususnya 21 agensi di bawah seliaan EAIC,

Dalam pada itu, Naib Presiden Cuepacs Bahagian Gred Penguat Kuasa, Hamzah Masri berkata, gabungan jawatankuasa tersebut merupakan contoh Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang terbaik dalam meningkatkan

**18. Seorang pegawai kerajaan dan dua kontraktor dihadapkan ke Mahkamah Khas Rasuah**

TIGA tertuduh (muka ditutup kain) diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibawa keluar dari Mahkamah Khas Rasuah, di sini, hari ini.

KUCHING 30 Jun - Seorang Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar Sarawak didakwa bersubahat membuat tuntutan palsu bersama dua kontraktor di Mahkamah Khas Rasuah di sini sebentar tadi.

Tertuduh, Nancy Mongin, 44, menghadapi enam pertuduhan bersubahat tersebut manakala dua kontraktor iaitu Reggy Petrus Naes, 46, dan Akiu Bandat, 58, berdepan masing-masing tiga pertuduhan atas tuntutan palsu.

Hakim, Jason Juga menetapkan tarikh sebutan semula semua kes itu pada 7 Ogos nanti dan membenarkan ikat jamin mahkamah RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan.

Nancy didakwa mengikut Seksyen 18 dibaca bersama 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 manakala Reggy dan Akiu menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 18 akta sama.

Ketiga-tiga tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta itu yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How manakala peguam, Teresa Udam mewakili Nancy dan Reggy manakala Jonathan Jalin mewakili Akiu.